

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH: 12 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status dan kedudukan cadangan mewujudkan satu Piawaian *National Human Resource Standards (NHRS)* yang bertujuan untuk merangka satu sistem pemantauan dan penanda aras terbaik bertaraf antarabangsa kepada pemain, pengamal dan penggiat keberkesanan tahap profesionalisma pengurusan dan pembangunan modal insan negara.

PR-1323-L65327

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian ini, melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad, telah merangka deraf Piawaian *National Human Resources Standard (NHRS)* yang turut melibatkan 296 perwakilan dari pelbagai industri. Pembangunan deraf piawaian ini telah mengambil kira lima (5) dimensi amalan sumber manusia iaitu *talent supply, learning and development, employee rewards, employee relations* dan *strategic HR Leadership*.

2. Pada masa ini, draf akhir Standard Sumber Manusia (HR Standard) tersebut telah dibentangkan kepada Kementerian Sumber Manusia pada 29 Ogos 2014. Proses pembangunan *standard* sumber manusia ini akan melalui beberapa peringkat sebelum ianya diterima pakai untuk dilaksanakan.